

Teks Ucapan Naib Canselor  
Pelancaran Pusat Kecemerlangan MIMOS

Yang Berhormat Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili  
Menteri, Sains Teknologi dan Inovasi

Yang Berbahagia Dato' Suriah Abdul Rahman  
Pengerusi, MIMOS Berhad

Yang Berbahagia Dato' Abdul Wahab bin Abdullah  
Presiden dan Ketua Eksekutif, MIMOS Berhad

Yang Berbahagia Prof. Dr. Rosnah Ismail  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berusaha PM Dr. Rosalam Sarbatly  
Dekan, Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat

Pegawai-pegawai Utama Universiti dan MIMOS

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan

Dif-dif jemputan

Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada YB Datuk kerana dapat melapangkan masa bagi menyempurnakan majlis pelancaran "Center of Excellence in Semantic Agents" pada pagi ini.

Bagi pihak warga UMS, saya mengalu-alukan kehadiran YB Datuk ke UMS sekali lagi, dan untuk pertama kali ini di Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat.

Tidak lupa juga saya bagi pihak warga UMS untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada YB Datuk kerana telah diberi kepercayaan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia untuk dilantik semula sebagai Anggota Jemaah Kabinet dan terus menerajui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Perlantikan semula YB Datuk sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi sudah tentunya akan memastikan kesinambungan segala projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang dan sedang dilaksanakan.

YB Datuk, para hadirin sekalian,

Saya merasa amat gembira sekali kerana MoU yang telah ditandatangani diantara UMS dan MIMOS pada bulan Ogos tahun lalu, diikuti dengan MoA pada bulan November tahun lalu kini telah menjadi realiti dengan tertubuhnya Pusat Kecemerlangan yang dipanggil "UMS-MIMOS Center of Excellence in Semantic Agents" ini. Pencapaian dalam masa lebih kurang 9 bulan ini amatlah membanggakan. Syabas dan tahniah kepada pasukan MIMOS dan kepada pasukan UMS.

Penubuhan "UMS-MIMOS Center of Excellence in Semantic Agents" ini membawa makna yang besar kepada UMS, MIMOS dan juga kepada negeri Sabah. Ini adalah kerana pusat ini adalah satu-satunya Pusat Kecemerlangan dalam bidang IT yang memfokus kepada teknologi yang terkini yang bersifat "cutting edge". Fokus pusat ini yang tertumpu kepada gabungan "Semantic Technology" dan "Intelligent Agent"

adalah satu lagi usaha UMS dan juga MIMOS untuk melonjak selangkah lagi ke satu tahap penyelidikan bidang IT yang boleh bersaing dengan penyelidikan IT di negara maju.

Pusat Kecemerlangan ini menggabungkan kepakaran penyelidik-penyelidik daripada UMS dengan MIMOS di mana penyelidik-penyelidik MIMOS mempunyai kepakaran dalam bidang "Semantic Technology" dan penyelidik-penyelidik UMS pula menyumbangkan kepakaran mereka dalam bidang "Intelligent Agent". Ini adalah satu sinergi yang sangat baik memandangkan bidang penyelidikan yang diterokai ini akan menekankan kepada keupayaan aplikasi komputer untuk memahami maksud maklumat yang disampaikan dalam Internet bagi membolehkannya membuat keputusan yang lebih rasional dan cerdas.

Kolaborasi di antara MIMOS dengan UMS ini juga adalah tepat sekali kerana dewasa ini kita berada di dalam satu era di mana penggunaan IT sudah menjadi sebahagian daripada lumrah hidup kita seharian. Seperti yang kita sedia maklum, pembangunan IT adalah sangat pesat dan kadang-kala adalah sukar bagi kita mengikuti dan mempelajari perkembangan teknologi-teknologi IT yang terkini.

Jika dulu kita membeli tiket kapal terbang melalui agensi pelancongan, sekarang kita boleh menempah dan membeli tiket penerbangan kita secara "online". Bukan itu sahaja, kita boleh menggunakan "software agent" untuk menggantikan tugas agensi pelancongan di mana "software agent" ini berupaya untuk membeli tiket kapal terbang dan juga mengurus hotel dan pengangkutan kita.

Perisian pintar ini juga berupaya untuk membantu kita membuat pembelian secara "online" di mana pada setiap masa ianya akan memastikan bahawa barangan yang dibeli tersebut adalah yang terbaik dengan harga yang berpatutan. Dengan penggunaan perisian ini, kita tidak perlu lagi membuang masa berjam-jam untuk mencari barangan yang kita perlukan secara "online".

Di masa yang akan datang, kita akan melihat banyak kerja-kerja rutin yang dijalankan oleh manusia digantikan dengan perisian pintar ini. Sebagai contohnya mengurus tempahan tiket dan tempat tinggal jika kita perlu bekerja di luar pejabat, membuat pembelian yang bijak, menguruskan pembayaran bil-bil kita dan juga bertindak sebagai pembantu khas yang boleh mengurus jadual waktu kita.

Saya dimaklumkan bahawa Pusat Kecemerlangan ini akan terlibat dengan kerja-kerja penyelidikan yang sedemikian rupa dengan menggabungkan "Semantic Technology" dari MIMOS dan "Intelligent Agent" dari UMS.

Saya berharap dengan penubuhan Pusat Kecemerlangan ini dapatlah kita bersaing dengan para penyelidik di Negara maju. Dengan sokongan padu MIMOS dan MOSTI, terutama daripada YB Datuk sendiri selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap Sains, Teknologi dan Inovasi, saya yakin bahawa banyak penemuan-penemuan yang baru akan dapat dijana di Pusat ini.

Akhirkata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan MIMOS dan juga pasukan UMS, khususnya SKTM yang telah bertungkus lumus untuk memastikan penubuhan Pusat Kecemerlangan ini berjalan dengan lancar.

Tahniah juga saya ucapkan kepada Jawatankuasa Penganjur yang telah bekerja keras untuk memastikan persediaan majlis pelancaran ini berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.